

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**HUBUNGAN SIKAP, KESEDIAAN DAN EFIKASI- KENDIRI  
GURU DENGAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL  
DI SABAH**

*THE RELATIONSHIP OF ATTITUDE, READINESS AND TEACHER SELF-  
EFFICACY WITH PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY IN SABAH*

Adriana Muhamad Akhir<sup>1\*</sup>, Muhamad Suhaimi Taat<sup>2</sup>, Syahrul Nizam Salam<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Psychology And Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: adrena625@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Psychology And Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: suhaimi@ums.edu.my

<sup>3</sup> Faculty of Psychology And Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: insantakwa@yahoo.com

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 08.03.2020

Revised date: 03.05.2020

Accepted date: 12.11.2020

Published date: 03.12.2020

**To cite this document:**

Akhir, A. M., Taat, M. S., & Salam, S. N. (2020). Hubungan Sikap, Kesiediaan Guru Dan Efikasi-Kendiri Guru Dengan Komuniti pembelajaran Profesional International Journal of Education, Psychology and Counseling, 5 (37), 221-231.

DOI: 10.35631/IJEPC.5370018.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat hubungan sikap, kesiediaan dan efikasi-kendiri guru dengan pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) guru-guru sekolah menengah bandar di negeri Sabah. Tahap sikap, kesiediaan dan efikasi-kendiri guru sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) merupakan pemboleh ubah bersandar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian yang dijalankan melibatkan 360 orang guru yang terdiri daripada sekolah daripada zon utara, zon selatan, zon pantai barat, zon pantai timur dan zon tenggara di negeri Sabah yang terpilih dengan menggunakan pensampelan kelompok dan rawak mudah. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Science (SPSS) versi 23.0 untuk mendapatkan keputusan kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga variabel bebas dengan variabel bersandar. Variabel efikasi sendiri menunjukkan hubungan yang paling kuat serta signifikan berbanding dengan dua lagi variabel dengan kekuatan hubungan 0.396 ( $p < 0.01$ ). Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberikan maklumat berguna untuk penambahbaikan pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional di setiap sekolah.

**Kata Kunci:**

Sikap, Kesiapan, Efikasi-Kendiri, Komuniti, Profesional

**Abstract:**

The purpose of this study was to examine the relationship as well as the direct and indirect influence of teacher attitude, readiness, and self-efficacy on the implementation of the Professional Learning Community (PLC) of urban secondary school teachers in Sabah. The level of teacher attitude, readiness, and self-efficacy as the independent variable and Professional Learning Community (PLC) as the dependent variable. This study was carried out using questionnaires instruments. This study involved 360 teachers comprising north zone, south zone, west coast zone, east coast zone, eastern zone in Sabah who have been selected through the cluster and simple random sampling. The data were analyzed using the Statistical Package For Science (SPSS) version 21.0 to get accurate results. The study found that there was a significant relationship between the three independent variables and the dependent variable. The self-efficacy variable showed the strongest and significant relationship compared to the other two variables with a relationship strength of 0.396 ( $p < 0.01$ ). It is hoped that this study will provide useful information for improving the implementation of the Professional Learning Community in each school.

**Keywords:**

Attitude, Readiness, Self-efficacy, Professional, Community

**Pengenalan**

Dalam era revolusi pendidikan IR4.0 kepercayaan guru, amalan dan sikap adalah penting dalam memahami dan menambah baik sistem pendidikan negara dalam diri setiap guru. Ia amat berkait rapat dengan strategi guru dalam menangani cabaran kehidupan profesional mereka setiap hari dalam membentuk persekitaran pembelajaran untuk murid-murid mereka serta mempengaruhi motivasi dan pencapaian murid mereka. Pendidikan di negara kita memerlukan perancangan yang sistematik, holistik dan rapi bagi menghadapi masa depan yang mencabar

Pembangunan Profesional adalah aspek yang sering diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) turut diterapkan dalam pembangunan profesional di sekolah. Pekeliling Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 6/2005 menjelaskan bahawa ketua jabatan harus memastikan anggota masing-masing di setiap peringkat mengikuti sekurang-kurangnya kursus tujuh hari setahun (Noor Lela, Hariyaty, Hazianti, Zuraidah & Normala, 2016). Sehubungan itu, kertas cadangan konsep Pengoperasian Latihan Peningkatan Profesionalisme Bidang Pengajaran dan Pembelajaran bagi pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Profesional Khas, KPM bertarikh 21 Ogos 2007. Penekanan terhadap prestasi guru dilihat dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kualiti dan keberkesanan pembangunan profesional bagi memudahkan perubahan yang sistematik dalam pendidikan.

Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB, 2014), KPM secara jelas mencadangkan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) sebagai aktiviti yang seharusnya

dijalankan bagi meningkatkan profesionalisme di sekolah (Mohd Faiz & Jamal, 2015). Asas kepada komuniti ini adalah kerja berpasukan, pembelajaran kolaboratif, refleksi yang berterusan, dan berkongsi amalan profesional (Dehdary, 2017).

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini mengenal pasti sama ada terdapat hubungan sikap guru, kesediaan dan efikasi sendiri terhadap komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru sekolah menengah bandar di Sabah. Permasalahan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru-guru berkait dengan sikap, kesediaan dan konsep sendiri yang dimiliki seseorang guru. Dalam kajian Noorjihan Jaafar dan Ab Halim Tamuri (2012) guru harus memainkan peranan sebagai penggerak terhadap transformasi pendidikan negara bagi melahirkan generasi yang tinggi keupayaan kognitif, sarat dengan nilai murni, serta kuat dengan pegangan agama. Justeru, peningkatan kualiti kemahiran sesebuah sekolah sering dikaitkan sikap yang dimiliki seorang guru, tahap kesediaan dan efikasi guru. Kajian Osman Said, Mohd. Nasir Rayung, Syahrul Nizam Salam & Abdul Said Ambotang (2020) menunjukkan elemen kemahiran dan pengetahuan dapat membentuk sikap yang berkualiti dalam kalangan guru-guru di sekolah.

Dapatan kajian Allen (2013) menunjukkan kurangnya kerjasama dalam kalangan profesional terutama dalam pengurusan sikap sering berlaku dalam sesebuah organisasi. Justeru, ini akan merencatkan harapan bagi meningkatkan kualiti profesional melalui sikap guru berdasarkan persekitaran pengajaran di sekolah. Ini kerana dalam kajian Golden (2017) menunjukkan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dapat mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kesediaan kerjasama, sokongan emosi, dan pertumbuhan peribadi melalui kerjasama sikap yang memupuk konsep sendiri untuk mencapai kualiti dalam perkhidmatan. Selain itu, kekangan masa untuk melaksanakan konsep baru KPP di sekolah akan menghadapi pelbagai masalah seperti dalam kajian keong et al., (2016) yang mana penerimaan guru terhadap KPP masih meragukan. Kajian Stoll *et al.*, (2006) mendapati bimbingan rakan dalam aktiviti KPP dapat menyokong kerjasama guru dan pembelajaran antara satu sama lain. Ini kerana keberkesanan kesediaan pelaksanaan dalam persekitaran Malaysia masih belum ada kepastian (Khairul Anwar, Walsh, Mallaburn & Brundrett, 2017).

Kajian Akhilar et al (2012) menjelaskan mengajar mengambil masa yang panjang dan guru sering menghadapi masalah kekangan masa. Selain itu, dalam kajian Abdul Said (2017) tugas guru terpaksa menghadiri mesyuarat, kursus, peningkatan profesionalisme serta lain-lain bentuk gangguan memberi kesan kepada pelaksanaan sesuatu program. Ini sekali gus akan mengganggu pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dalam kalangan guru dan waktu peribadi guru. Di samping itu, penguatkuasaan KPP oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada guru-guru mempengaruhi pandangan dan perspektif mereka berbentuk positif dan negatif.

Pandangan berbentuk negatif ini lahir daripada sendiri negatif guru-guru yang dapat dikenal pasti dalam dapatan kajian Kincaid (2013) menunjukkan ramai guru terus menentang penuh dan memberi pandangan negatif terhadap pelaksanaan KPP yang memerlukan pembangunan budaya kerjasama antara satu sama lain yang mana guru-guru lebih selesa bekerja secara tradisional dan ada antara mereka lebih selesa bekerja secara berasingan. Kajian DuFour et al. (2006) menggambarkan bagaimana guru-guru sanggup bekerjasama selagi kerjasama tersebut tidak melibatkan guru lain di dalam kelas mereka yang memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan profesional. Kerjasama sebenar memerlukan guru-guru secara kritis

menganalisis amalan mereka dan bekerjasama untuk meningkatkan amalan mereka sendiri dan rakan sekerja mereka (Garrett, 2010; Kincaid, 2013). Ketidakmampuan untuk bekerjasama dalam pembangunan sikap, kesediaan serta aspek pembangunan sendiri akan menghalang pelaksanaan komuniti pembelajaran guru (KPP) di peringkat semua sekolah.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti hubungan sikap guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah.
2. Mengenal pasti hubungan kesediaan guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah
3. Mengenal pasti hubungan efikasi sendiri guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah

### **Hipotesis Kajian**

Terdapat tiga hipotesis yang dibina untuk menjawab objektif kajian, iaitu:

- H<sub>01</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan sikap guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah
- H<sub>02</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan kesediaan guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah.
- H<sub>03</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan efikasi sendiri guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah

### **Kajian Lepas**

Dalam kajian Choong (2008) menyatakan bahawa ciri-ciri komuniti pembelajaran termasuklah kolaborasi dalam kalangan kumpulan tersebut melalui pembelajaran secara kolaboratif, penglibatan aktif setiap ahli, sumber jaringan sokongan akademik dan sosial serta berfokus kepada pembinaan pengetahuan. Dapatan kajian Muhamad Suhaimi (2013) melaporkan terdapat tiga ciri individu yang berbeza dan boleh digunakan bagi menggambarkan kesediaan untuk berubah iaitu kepercayaan ahli organisasi, sikap dan niat. Justeru, sikap dan niat melalui pembangunan profesional perlu diurus, dipimpin serta dilaksanakan dengan efektif agar berkesan memandangkan ia mempunyai nilai kos yang tinggi (Hariyaty, Hazianti, Zuriadah & Normala, 2016). Dalam kajian Syahrul Nizam, Abdul Said dan Ghazali Hassan (2019), sikap positif yang dipimpin oleh konsep sendiri yang baik akan memberikan kefahaman dalam membuat sesuatu perkara. Walaupun terdapat penyelidikan besar terhadap KPP, beberapa kajian secara langsung menghubungkan aktiviti pembangunan guru khusus kepada perubahan dalam amalan pengajaran atau hasil pembelajaran yang lebih baik perlu diteruskan (Gore, Lloyd, Smith, Bowe, Ellis & Lubans, 2017). Dalam kajian Sparks & Hirsh (2000) dan Guskey (1995) melihat bahawa pembangunan profesional yang efektif adalah berdasarkan ciri-ciri seperti kolaboratif, berpengalaman, berasaskan inkuiri dan penyelidikan, berkaitan dengan aspek perubahan dan penambahbaikan organisasi atau sekolah, reflektif serta memberi tumpuan kepada keperluan guru.

Dalam kajian Carpenter, Peter dan Sundin (2009) menyatakan maksud profesional sebagai individu yang sentiasa belajar secara berterusan bagi mengadaptasi perubahan yang sentiasa berlaku. Guru-guru di sekolah yang mengamalkan KPP dapat membantu mengubah amalan

pengajaran serta memberi fokus kepada keperluan pembelajaran murid dan pengajaran yang berkesan. Salah satu langkah yang boleh dilakukan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru ialah dengan penglibatan guru melalui KPP berasaskan sekolah yang berkesan. Ini kerana menurut menjelaskan bahawa elemen seperti berterusan, berasaskan sekolah dan dilaksanakan secara 'job-embedded', serta penglibatan guru dan pentadbir dalam pembentukan komuniti pembelajaran profesional terdapat dalam KPP yang mampu meningkatkan keperluan guru secara individu dan kolektif.


Kajian Adu et al., (2012) menjelaskan sikap sebagai kepercayaan dalaman yang mempengaruhi tindakan seseorang hasil daripada pengalaman yang ditempuhinya terutama dalam kerja yang dilakukan hasil daripada pembangunan profesional dalam perkhidmatannya dalam pengalaman yang dimiliki. Ini juga dikenali sebagai tindak balas yang dilakukan oleh seseorang untuk bertindak dalam masa dan situasi yang dilaluinya. Dari aspek sikap dan tingkah laku positif yang ditunjukkan akan mempunyai kesan positif terhadap perkembangan dan prestasi mereka manakala sikap dan sikap negatif oleh guru mempunyai kesan negatif terhadap pembangunan dan kejayaan mereka (Ulug, Ozden, Eryilmaz, 2011). Ini kerana menurut Syahrul Nizam, Abdul Said dan Ghazali Hassan (2018) sikap akan mempamerkan kesan sendiri dalam diri seseorang sama ada sendiri negatif atau sendiri positif. Dapatan kajian Tan Kwang (2002) menyatakan bahawa pembangunan sikap dari segi latihan bagi subordinat baru dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal, kemahiran sosialisasi, budaya dalam organisasi, nilai, personaliti dan prestasi kerja dapat memberi dorongan atau keperluan sekali gus dapat memimpin tindakan seseorang individu. Ini kerana, Armstrong (2001) mendapati kesediaan guru-guru dalam latihan pembangunan diri salah satu proses pembelajaran dalam meningkatkan tingkah laku, pengetahuan, kemahiran dan kompetensi terhadap tugas yang dilakukan.

Dapatan kajian Bartosiewicz, Luszczyki, Rózański, & Nagórska, M. (2019) kesediaan ditakrifkan sebagai keupayaan untuk menjalankan aktiviti tertentu dan sebagai indeks ia mencerminkan skala tindakan yang diambil oleh individu untuk meneruskan pendidikan dan pembangunan profesional kerjaya mereka, untuk melengkapkan dan memperkayakan amalan profesional. Keupayaan untuk melaksanakan sesuatu tugas, tanggungjawab dan kesediaan adalah berkaitan secara konseptual antara satu sama lain Yildirim (2016). Dalam kajian Aşkar dan Umay (2002) menunjukkan terdapat hubungan yang jelas antara tahap kesediaan dan efikasi-kendiri, yang ditakrifkan sebagai penilaian diri sendiri atau kepercayaan individu tentang keupayaan mereka untuk menghadapi cabaran masa depan.

Menurut Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001) mendefinisikan efikasi sendiri guru sebagai sebagai pertimbangan guru atau keupayaan mereka untuk melihat hasil pembelajaran murid. Dapatan kajian Chaco'n, (2005) menunjukkan tahap positif bagi efikasi sendiri guru dikenal pasti sebagai faktor yang memainkan peranan yang besar dan konsisten dalam menghasilkan guru yang berjaya. Selain itu, kajian Woolfolk Hoy (2000) menegaskan bahawa efikasi-kendiri sangat penting bagi guru baru. Beliau turut menyatakan dalam banyak kes, guru-guru baru perlu mempersiapkan diri mereka dengan tugas-tugas yang pelbagai dalam profesion, serta kepercayaan yang positif mengenai kebolehan mereka yang mungkin luntur disebabkan bebanan tugas di sekolah. Kajian Norin Farizah Mohd Nuin, Abdul Said Ambotang & Syahrul Nizam Salam (2020) kebolehan seseorang guru berlaku apabila wujudnya perubahan yang positif dalam pengurusan di sekolah. Justeru, guru-guru perlu didedahkan

dengan komuniti pembelajaran profesional dalam menghadapi era baru cabaran pendidikan menerusi memperkasa aspek sendiri guru-guru sekolah.

## Kerangka Kajian



**Rajah 1: Kerangka Kajian Hubungan Komuniti Pembelajaran Profesional**

## Metodologi

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Penyelidikan kuantitatif ini dapat memberi penerangan dan penjelasan tentang hubungan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru-guru di negeri Sabah. Dalam konteks penyelidikan ini, reka bentuk menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan yang bersesuaian dengan objektif, persoalan kajian, saiz populasi dan sampel kajian.

Kaedah tinjauan digunakan untuk mengumpul maklumat dengan menggunakan soal selidik daripada bilangan responden yang ramai yang melibatkan pensampelan terhadap pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat iaitu sikap guru, kesediaan guru dan efikasi-kendiri guru terhadap pembangunan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru-guru di Sabah. Kajian berbentuk kuantitatif ini sesuai dengan skop kajian yang luas dan lebih banyak maklumat boleh diperolehi serta maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh digunakan untuk menjawab pelbagai persoalan dalam kajian (Gazali Darusalam dan Sufean, 2016).

### *Populasi dan Sampel Kajian*

Bilangan populasi kajian melibatkan guru lelaki dan perempuan adalah seramai 5000 orang guru di negeri Sabah. Selain itu, sampel kajian adalah sebahagian daripada populasi yang mewakili keseluruhan populasi yang dikaji dan prosedur pensampelan adalah kaedah yang digunakan dalam pemilihan sampel kajian (Ghazali et al., 2016). Dalam konteks kajian ini penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan jadual pensampelan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh kerana jumlah populasi kajian seramai 5000 orang guru, maka saiz sampel yang dicadangkan adalah antara 361 hingga 364 orang. Walau bagaimanapun selepas

melalui saringan prosedur pensampelan, jumlah sampel untuk tujuan kajian sebanyak 360 responden yang diterangkan melalui proses pemilihan sampel.

### **Analisis Data**

Analisis data merupakan suatu kaedah mengawal dan mempersembahkan data secara prosedur statistik. Kaedah ujian menggunakan Korelasi Pearson's r. Analisis data ini dibuat adalah untuk menjawab semua soalan kajian atau hipotesis yang telah ditetapkan di dalam borang soal selidik (Bhasah, 2007). Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik ini dikod dan diproses oleh penyelidik dengan menggunakan perisian "Statistical Package for Social Science" (SPSS).

### **Dapatan Kajian**

H<sub>01</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan sikap guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah.

Berdasarkan jadual 1.1 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan pelaksanaan KPP ( $r=.210$ ,  $p<0.05$ ) dan hubungan antara kedua-duanya adalah lemah. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa guru yang mempunyai sikap yang tinggi bersedia untuk melaksanakan KPP atau korelasi positif yang tinggi di mana semakin tinggi sikap guru, maka semakin tinggi juga pelaksanaan KPP dan sebaliknya. Oleh itu, hipotesis Nol (H<sub>01</sub>) yang dibina ditolak kerana terdapat hubungan yang positif, dan signifikan antara sikap guru dengan pelaksanaan KPP.

**Jadual 1.1: Analisis Hubungan Sikap Guru Dengan Komuniti Pembelajaran Profesional**

		SIKAP	KPP
<b>SIKAP</b>	<b>Pearson Correlation</b>	1	.210**
	<b>Sig. (2-tailed)</b>		.008
	<b>N</b>	360	360
<b>KPP</b>	<b>Pearson Correlation</b>	.210**	1
	<b>Sig. (2-tailed)</b>	.000	
	<b>N</b>	360	360

H<sub>02</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan kesediaan guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah

Jadual 1.2 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dengan pelaksanaan KPP ( $r=.291$ ,  $p<0.05$ ) dan hubungan antara kedua-duanya adalah lemah. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa guru yang mempunyai kesediaan untuk melaksanakan sesuatu perubahan yang tinggi bersedia untuk melaksanakan KPP atau korelasi positif yang tinggi di mana semakin tinggi kesediaan guru, maka semakin tinggi juga pelaksanaan KPP dan sebaliknya. Oleh itu, hipotesis Nol (H<sub>02</sub>) yang dibina ditolak kerana terdapat hubungan yang positif, dan signifikan antara kesediaan guru dengan pelaksanaan KPP.

**Jadual 1.2: Analisis Hubungan Kesediaan Guru Dengan Komuniti Pembelajaran Profesional**

		Utility	Personaliti
<b>KESEDIAAN</b>	<b>Pearson Correlation</b>	1	.291**
	<b>Sig. (2-tailed)</b>		.000
	<b>N</b>	360	402
<b>KPP</b>	<b>Pearson Correlation</b>	.291**	1
	<b>Sig. (2-tailed)</b>	.000	
	<b>N</b>	360	402

H<sub>03</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan sikap guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah.

Dalam jadual 1.3 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi-kendiri guru dengan pelaksanaan KPP ( $r=.396$ ,  $p<0.05$ ) dan hubungan antara kedua-duanya adalah lemah. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa guru yang mempunyai keyakinan yang tinggi dalam meningkatkan keberkesanan diri akan lebih bersedia untuk melaksanakan KPP atau korelasi positif yang tinggi di mana semakin tinggi efikasi-kendiri guru, maka semakin tinggi juga pelaksanaan KPP dan sebaliknya. Oleh itu, hipotesis Nol (H<sub>03</sub>) yang dibina ditolak kerana terdapat hubungan yang positif, dan signifikan antara efikasi-kendiri guru dengan pelaksanaan KPP.

**Jadual 1.3: Analisis Hubungan Efikasi-Kendiri Guru Dengan Komuniti Pembelajaran Profesional**

		utiliti	Personaliti
<b>EFIKASI</b>	<b>Pearson Correlation</b>	1	.396**
	<b>Sig. (2-tailed)</b>		.000
	<b>N</b>	360	402
<b>KPP</b>	<b>Pearson Correlation</b>	.396**	1
	<b>Sig. (2-tailed)</b>	.000	
	<b>N</b>	360	402

### Perbincangan

Dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan hubungan pemboleh ubah bersandar iaitu sikap guru, kesediaan guru dan efikasi-kendiri guru pemboleh ubah tidak bersandar adalah komuniti pembelajaran profesional di Sabah. Berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan positif ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar iaitu sikap guru, kesediaan guru dan efikasi-kendiri guru dengan komuniti pembelajaran profesional di Sabah. Namun kolerasi ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar adalah di tahap lemah terhadap pemboleh ubah tak bersandar iaitu komuniti pembelajaran profesional.



Ini menunjukkan, aspek sikap guru, kesediaan guru serta efikasi-kendiri guru perlu diberikan perhatian yang serius dalam meningkatkan pembangunan profesional yang melibatkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor seseorang. Ini kerana menurut Spector & Park (2018) bahawa sokongan positif yang meliputi kemahiran, pengetahuan dan kompetensi termasuk membangunkan modal insan yang berkaitan pembangunan guru dan menyediakan bahan dan sumber guru sangat penting untuk pembangunan profesional guru terus meningkat.

### **Rumusan**

Tahap komuniti pembelajaran profesional yang tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam kalangan guru yang meliputi sikap, kesediaan serta efikasi-kendiri dapat meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan terutama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan seseorang guru perlu memiliki tahap komuniti pembelajaran profesional yang tinggi dalam aspek kerja berkumpulan iaitu saling bekerja sama serta menekankan aspek kolaboratif dalam semua tugas serta menjadi contoh teladan kepada guru-guru yang lain. Ini kerana kajian Dehdary (2017) mendapati komuniti pembelajaran profesional di sekolah adalah berkesan jika mengutamakan pendekatan berpasukan dan pembelajaran kolaboratif melalui penerapan nilai sikap dan kesediaan yang membentuk efikasi-kendiri secara positif terhadap tugas dan perkhidmatan.

### **Kesimpulan**

Komuniti pembelajaran profesional di sekolah sangat penting bagi menjamin keberhasilan dalam tugas dan perkhidmatan di sekolah dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan di peringkat sekolah. Ini menunjukkan kualiti komuniti pembelajaran profesional perlu diterapkan dan dilaksanakan dalam mengaplikasikan cabaran pendidikan abad ke-21 yang memerlukan kerjasama semua guru dalam meningkatkan tahap pembangunan profesional melalui pembelajaran secara bersama, berpasukan dan berkolaboratif dalam tugas sekali gus dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan untuk menghasilkan modal insan yang terlatih, terpelajar dan berkemahiran. Hasil kajian ini membuktikan bahawa sikap, kesediaan dan efikasi-kendiri mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung kepada komuniti pembelajaran profesional. Tidak dinafikan lagi komuniti pembelajaran profesional memberi kesan yang berguna dalam sistem pendidikan Malaysia. Ini dapat dilihat, dengan revolusi pendidikan 4.0 yang menuntut guru-guru menguasai pembangunan profesional dalam menghasilkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang. Oleh yang sedemikian, kerjasama daripada semua pihak diperlukan dalam menerajui komuniti pembelajaran profesional di peringkat sekolah dan pembuat dasar (*Policy Maker*). Justeru, kajian lanjutan dan skop kajian perlu dilaksanakan bagi membantu semua pihak mendapat pencapaian pembangunan profesional yang lebih baik.

### **Rujukan**

- Adu, E. O., Galloway, G., & Olaoye, O. (2014). Teachers' characteristics and students' attitude towards economics in secondary schools: Students' perspectives. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(16), 455-455.
- Agatha Francis Umbit, Muhamad Suhaimi Taat. 2016. The Effects Of Expectations And Satisfaction Towards E-Learning Among Students. *Journal Of Modern Education Review*. Jil. 6. 9. 603-611.
- Armstrong N., Georgia Herbert, Emma-Louise Aveling, Mary Dixon-Woods, Graham Martin. (2013). *Optimizing patient involvement in quality improvement*. A International Journal of Public Participation in Health Care and Health Policy.

- Bartosiewicz, A., Łuszczki, E., Rózański, A., & Nagórska, M. (2019). Analysis of Determinants of Readiness for Professional Development Among Polish Nurses. *International journal of environmental research and public health*, 16(10), 1800.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Pengujian, pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Carpenter, P. S. (2009). *Professional learning communities: A case study of three elementary schools*. ProQuest.
- Chacón, C. T. (2005). Teachers' perceived efficacy among English as a foreign language teacher in middle schools in Venezuela. *Teaching and Teacher Education*, 21(3), 257-272.
- Choong.K.K. (2008). Intellectual capital: definitions, categorization and reporting models. *Journal of Intellectual Capital*. Emerald Group Publishing Limited, 9(4), 609-638.
- Dehdary, N. (2017). A look into a professional learning community. *Journal of Language Teaching and Research*, 8(4), 645-654.
- DuFour, R. (2003). Building a professional learning community. *School administrator*, 60(5), 13-18.
- Gazali Darusalam dan Sufean. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya
- Garrett, P. (2010). *Attitudes to Language* (Key Topics in Sociolinguistics). Cambridge: Cambridge University Press. doi:10.1017/CBO9780511844713
- Gladys De Rozario, Muhamad Suhaimi Taat. 2015. The Influence Of Learning Environment And Academic Self-Efficacy Towards Mathematics Achievement In Masterskill Global College, Malaysia. *International Journal Of Arts And Commerce*. Jil. 1. 43-53.
- Golden, D. (2017). Teacher Perceptions of Professional Learning Communities on the Instructional Climate At Flintville Elementary School in Lincoln County, TN.
- Gore, J., Lloyd, A., Smith, M., Bowe, J., Ellis, H., & Lubans, D. (2017). Effects of professional development on the quality of teaching: Results from a randomised controlled trial of Quality Teaching Rounds. *Teaching and Teacher Education*, 68, 99-113.
- Keong, C. C., Ghani, M. F. A., & Abdullah, Z. (2017). Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) Di Sekolah Berprestasi Tinggi (Sbt) Malaysia: Sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Sarawak. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(1), 43-70.
- Khairul Anwar, Walsh, Mallaburn & Brundrett, M. (2017). Exploring the Implementation of A Professional Learning Communities in Malaysian's Schools. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 2(5), 1-18.
- Khalid Abdulbaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. (2018). The Use of the Discussion Method at University: Enhancement of Teaching and Learning. *International Journal of Higher Education*. Jil. 7.6. 118-128
- Khalid Abdulbaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. (2018). The Impact of Using The Lecture Method on Teaching English at University. *European Journal of Education Studies*. Jil. 4.5. 285-301
- Kincaid, E. R. (2014). *Barriers to implementation of effective professional learning communities* (Doctoral dissertation, Walden University).
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Mohd Faiz & Jamal Yunus. (2015). *Konsep Komuniti Pembelajaran profesional, Kepimpinan dan Transformasi Sekolah Kepada Komuniti pembelajaran Profesional*.

- Muhamad Suhaimi Taat, and Mohd Yusof Abdullah, and Baharom Mohamad, and Roslee Talip, and Abdul Said Ambotang, and Shukri Zain, (2012) *Guru: Mendepani cabaran dan realiti. Utusan Borneo. B7.*
- Muhamad Suhaimi Taat & Agatha Francis. (2020). Factors Influencing The Students' Acceptance Of E-Learning At Teacher Education Institute: An Exploratory Study In Malaysia. *International. Journal Of Higher Education.* Jil. 9. 1. 133-141
- Muhamad Suhaimi Taat, Gladys De Rozario. 2014. The Influence Of Academic Attitude And Self- Efficacy Towards Students Achievement In Private Higher Learning Institution, Malaysia. *International Journal Of Arts And Commerce.* Jil. 1. ISSN 19297106. 41-50.
- Noor Lela Ahmad, Hariyaty Ab Wahid, Hazianti Abdul Halimi, (2016). *Amalan Pembangunan Profesional (LDP) Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Manjung.*
- Norin Farizah Mohd Nuin, and Abdul Said Ambotang, and Syahrul Nizam Salam. (2020) Pengaruh motivasi dan kompetensi terhadap perubahan pengurusan data murid di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5 (34). pp. 116-125. ISSN 0128-164X
- Osman Said, Mohd. Nasir Rayung, Syahrul Nizam Salam & Abdul Said Ambotang .(2020). Pengaruh Sikap Guru, Pengetahuan Guru dan Kemahiran Guru Terhadap Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah Kebangsaan di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 188-205
- Ulug, M., Ozden, M. S., & Eryilmaz, A. (2011). The effects of teachers' attitudes on students' personality and performance. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 30(2), 738-742.
- Sparks, D., & Loucks-Horsley, S. (1989). Five models of staff development. *Journal of staff development*, 10(4), 40-57.
- Spector, J. M., & Park, S. W. (2017). *Motivation, learning, and technology: Embodied educational motivation.* Routledge.
- Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M., & Thomas, S. (2006). Professional learning communities: A review of the literature. *Journal of educational change*, 7(4), 221-258.
- Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman. (2018). Pengaruh Faktor Penyumbang Terhadap Kendiri Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam Di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Akademik Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3 (34),
- Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman (2019). Hubungan Sikap Terhadap Ekonomi Dan Kefahaman Konsep Ekonomi Dengan Kendiri Pelajar Ekonomi. *Jurnal Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia*, 4(34), 16-29
- Tan Kwang How & Maimunah Aminuddin (2001) *Recruitment & selection in Malaysian organisations* . Kuala lumpur : McGraw Hill.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and teacher education*, 17(7), 783-805.
- Yildirim, N. (2016). Professional Readiness Level of Candidate Teachers: A Qualitative Evaluation. *Journal of Education and Training Studies*, 4(3), 72-81.